# DOKUMENTASI SEJARAH LISAN WAWANCARA BERSAMA DATO'(DR) ASARIAH MIOR SHAHARUDDIN TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA SEKTOR PEMBANGUNAN PROFESIONALISME KEGURUAN (SSPK)

**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**MOHAMAD SHAHRUL MOHD SHAFIE**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**
**18500 MACHANG, KELANTAN**

**JUNE 2013**

## 1.0 PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu saya panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya saya dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, berbagai kekangan yang saya hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran saya dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang melanda.

Jutaan terima kasih saya tujukan kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR 604 – ORAL DOCUMENTATION (Sejarah Lisan), Encik Mohd Idzwan Mohd Salleh yang telah memberikan segala ilmu yang beliau miliki kepada saya dan memberi saya segala tunjuk ajar untuk meyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas dorongan beliau dan saya  amat menghargainya.

Dato' (Dr) Asariah Mior Shaharuddin, tokoh yang saya hormati dan setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan kerana kerjasama yang beliau berikan. Tidak dilupakan anak saudara beliau, Umaimah binti Idris yang telah banyak membantu saya dengan memberi informasi mengenai tokoh. Saya tidak mungkin akan dapat menghasilkan transkrip yang sebegini lengkap dan bernilai ini tanpa bantuannya.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada saya di dalam menghasilkan projek transkrip temubual ini. Sekian terima kasih.

## 2.0 ISI KANDUNGAN

| | |
|---|---|
| Penghargaan | I |
| Isi Kandungan | Ii |
| Abstrak | Iii |
| Biodata Dan Profil Peribadi Tokoh | Iv-v |
| Transkrip Wawancara | 1 - 35 |
| Rujukan (Stail Apa ) | 36 |
| Senarai Soalan Wawancara | 36-41 |
| Log Wawancara | 42-44 |
| Indeks | 45-48 |
| Lampiran-Lampiran | |

- Perjanjian Tokoh
- Dokumen Berkaitan
- Gambar Peristiwa / Wawancara
- Cd / Dvd Wawancara

## 3.0 ABSTRAK

**Abstrak :** *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Dato' (DR) Asariah binti Mior Shaharuddin mengenai kerjaya beliau dalam bidang pendidikan yang sudah hampir 28 tahun berkecimpung dalam bidang ini. Transkrip temubual ini dijalankandi rumah beliau di No. 34 Jalan Setiaraya Bukit Damansara 50490 Kuala Lumpur pada jam 12 tengahari pada tarikh 30 mei 2013. Beliau merupakan salah seorang tokoh yang versetail kerana banyak menceburkan diri dalam bidang pendidikan selepas beliau tamat pembelajaran beliau di Universiti Malaya. Dalam temubual ini saya lebih memfokuskan tanggungjawab beliau dalam memartabatkan profesion perguruan di Malayasia. Tranksrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalaman beliau sewaktu menjadi Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.selain itu juga, temubual ini banyak menumpukan pengalaman beliau sewaktu terlibat dalam bidang pendidikan di Negara Malaysia. Beliau turut menceritakan bagaimana beliau boleh menjadi seorang yang begitu dikenali dalam bidang pendidikan dan juga bagaimana beliau boleh menjadi ahli lembaga pengarah di setiap yayasan yang diceburi olehnya. Selain itu juga, beliau banyak menyentuh profesion perguruan di Negara kita dalam memastikan profesion perguruan tidak dipandang remeh oleh masyrakat dan beliau mengatakan bahawa profesion perguruan adalah satu bidang yang penting dalam memastikan pendidikan Negara kita maju ke hadapan.*

***Kata kunci** : Dato' (DR) Asariah binti Mior Shaharuddi, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.*

**4.0 BIODATA**

**Biodata dan Profil Peribadi Tokoh**



| | | |
|---|---|---|
| **1.** | **Nama Penuh:** | DATO' (Dr) ASARIAH MIOR SHAHARUDDIN |
| **2.** | **Alamat Surat-Menyurat:** | No. 34 Jalan Setiaraya Bukit Damansara 50490 Kuala Lumpur |
| **3.** | **Kelahiran:** | Layang-Layang Kanan Parit, Perak<br>01.08.1953 |
| **4.** | **Jantina:** | Perempuan |
| **5.** | **Bangsa:** | Melayu |
| **6.** | **Pendidikan (Rendah, Menengah dan Tinggi):** | Sekolah Kebangsaan Padang Tenggala<br>Sekolah Menengah Kebangsaan Idris Shah Parit Perak<br>Sekolah Menengah Anderson<br>Master Of Science (Curriculum And Instruction)<br>University Of Wisconsin, Madison, Wisconsin, USA |

| | | |
|---|---|---|
| | | (1983)<br>Diploma Pendidikan (Geografi)<br>University Malaya, Kuala Lumpur<br>(1976)<br>Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian<br>(Geografi), University Malaya Kuala Lumpur<br>(1975) |
| | | |
| **7.** | **Keluarga**<br>**(Adik-beradik, Isteri dan Anak):** | Mempunyai 13 orang adik beradik<br>Mempunyai 3 orang anak, 2 orang daripadanya sudah berumahtangga dan anak bongsunya sedang melanjutkan pengajian di luar negara |
| **8.** | **Hobi:** | Hobi membaca, menanam pokok bunga serta membantu arwah ibunya bercucuk tanam. |
| **9.** | **Kerjaya:** | Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia<br>Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan (Sppk)<br>Kementerian Pelajaran Malaysia |
| **10.** | **Sumbangan:** | Salah satu sumbangan besar beliau adalah memastikan peningkatan profesion guru meningkat dan menaiktaraf maktab guru menjadi institut pendidikan guru serta memastikan seorang guru itu sebolehnya mempunyai ijazah. |

## 5.0 TRANSKRIP

**Berikut merupakan rakaman temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Mohamad Shahrul Mohd Shafie bersama Dato' (Dr)Asariah Binti Mior Shaharuddin mengenai sejarah penglibatan beliau dalam bidang pendidikan. Temubual ini telah dijalankan di rumah beliau di No. 34 Jalan Setiaraya Bukit Damansara 50490 Kuala Lumpur pada 30 Mei 2013.**

**Shahrul : Ok...assalamualaikum Dato',apa khabar?**

Dato' : Baik Alhamdulillah...ya.

**Shahrul : Bolehkah saya tahu nama penuh Dato'?**

Dato': Ok..nama penuh...Dato' Dr Asariah Binti Mior Shaharuddin.seperti dalam apa la tadi eh ( sedang membelek biodata beliau dalam buku sejarahnya)...Dato' Dr. Doktor 2 Dr eh. Dr dalam kurungan ya..ok..

**Shahrul : Apakah terdapat sebarang gelaran yang diberikan kepada Dato'?**

Dato' : Ya. Gelaran Dato' lah yang saya terima (ayat suci al-quran di masjid berkumandang bagi waktu zohor) daripada apa ini...Sultan Pahang dan juga Sultan Perak.

**Shahrul : Ok. Kenapa Dato' di beri gelaran berikut?**

Dato' : ...Pada pandangan saya, ini adalah...oleh...apa kerana sumbangan saya dalam bidang pendidikan. Saya lama berkhidmat di Kementerian Pelajaran dahulu ya.

**Shahrul : Ok. Jika tidak keberatan bolehkah Dato' ceritakan serba sedikit tentang setiap anak Dato'?**

Dato' : Ok. Saya mempunyai tiga orang anak. Yang sulung ialah perempuan, yang kedua ialah seorang lelaki dan yang ketiga juga seorang perempuan. Yang sulung...sudah pun berumahtangga dan mempunyai tiga orang anak. Yang kedua juga sudah berumahtangga dan sekarang...mempunyai seorang anak. Anak saya yang ketiga sedang melanjutkan pengajian dia di luar Negara ya.

**Shahrul : Ok Dato' kita beralih pula kepada latar belakang kedua ibu bapa Dato'? Siapakah nama penuh meraka? Adakah mereka masih ada lagi?**

Dato' : Ok...Ayahanda saya nama dia Cikgu Mior Shaharuddin bin Mior Ahmad. Beliau telah meninggal ya. Dan ibu saya pula ialah Hajah Yong Fatimah binti Alang Muhammad ya. Beliau juga telah meninggal dunia ya.

**Shahrul : Ok Dato' ...Ibu dan Bapa Dato' dahulunya bekerja sebagai apa?**

Dato' :...Ibu saya adalah seorang suri rumah tangga dan ayah saya beliau merupakan seorang guru dan sebahagian besar daripada tempoh perkhidmatan beliau, beliau bertugas sebagai guru besar.

**Shahrul : Biasanya kejayaan hidup seseorang anak dikaitkan dengan didikan dan galakan daripada ibu dan bapanya. Adakah itu mempengaruhi kerjaya Dato' dalam bidang pendidikan?**

Dato' : Sudah tentu sekali lah ya, sebab seperti saya nyatakan ayah saya adalah apa ni...seorang yang guru dan seorang guru besar. Jadi ini banyak mempengaruhi lah dalam pemilihan kerjaya saya kerana saya juga bekerja sebagai seorang guru dahulu ya.

**Shahrul : Ok. Berapakah bilangan adik beradik Dato' dan Dato' anak nombor berapa?**

Dato' : erm...saya datang daripada keluarga yang besar, semua sekali 13 orang adik beradik...dua telah meninggal dan yang masih hidup adalah seramai 11 orang. Dan saya adalah anak yang ke apa ni kesembilan lah kalau daripada 13 orang adik beradik.

**Shahrul : ....Bagaimanakah kehidupan keluarga Dato' dahulu? Boleh Dato' gambarkan sedikit?**

Dato' :....Keadaan kehidupan...kami mempunyai hubungan adik beradik yang amat rapat, ibu bapa saya menekankan tentang pentingnya ilmu pendidikan dan tata kelakuan yang baiklah, itu yang ditekankan dalam mendidik kami lah ya.

**Shahrul : Apakah jawatan terakhir Dato' sebelum bersara?**

Dato' :...Saya memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran ya di Kementerian Pelajaran Malaysia pada masa itu.

**Shahrul : Dimanakah Dato' dibesarkan?**

Dato': Saya dibesarkan di kampung.. saya.iaitu di Padang Tenggala Parit Perak,ya

**Shahrul : Ok..Apakah hobi Dato' ketika zaman kanak-kanak dulu?**

Dato ' : Ha ok..Erm, hobi saya yang utama ialah membaca...saya akan baca buku ataupun pada masa itu oleh kerana tiada banyak buku saya akan mengumpul keratan akhbar lah.dan ini akan saya jadikan sumberlah untuk saya membuat rujukan ataupun membuat bacaan. Di samping itu saya juga suka menanam pokok,pokok bunga dan macam-macamlah ye lagi dan suka menolong emak saya bercucuk tanam.

**Shahrul : ...Adakah ia mempengaruhi kerjaya dan penglibatan Dato' dalam bidang pendidikan?**

Dato': Ya,oleh kerana..saya suka membaca jadi dia banyaklah mempengaruhi dalam kerjaya dan penglibatan saya..sehingga sekarang pun saya suka..terus membaca.

**Shahrul : Apakah cita-cita Dato' sewaktu Dato' kecil?(bunyi mesin)**

Dato': Sebenarnya kalau nak diikutkan waktu kecil saya bercita-cita untuk mengikuti bidang perundangan... tapi atas satu-satu sebab yang tak dapat dielakkan maka saya tidak melanjutkanlah pengajian saya dalam bidang perundangan dan terus melanjutkan pengajian dalam bidang pengajian di Universiti Malaya.

**Shahrul : Adakah kedua ibu bapa Dato' berpuas hati dengan pencapaian Dato' disekolah?**

Dato': ..Ayah saya seorang yang menitik beratkan..pencapaian terbaik dalam apa sahaja yang saya buatlah jadi mungkin ada masanya dia tak begitu puas hati kalau pencapaian saya prestasi saya tidak begitu baik, tapi saya fikir mereka puas hatilah kerana saya telah pun dapat melanjutkan pengajian ke peringkat universiti, kerana kalau nak dibandingkan dengan rakan saya pada masa itu di kampung tak ramai daripada mereka yang berpeluanglah melanjutkan pengajian ke universiti.

**Shahrul : Ok..boleh Dato' ceritakan secara ringkas tentang pendidikan Dato' dari awal hingga ke tahap pendidikan tertinggi?**

Dato': Ha ok..saya bersekolah di Sekolah Kebangsaan Padang Tenggala, yang mana sekarang telah pun ditukar namanya kepada Sekolah Kebangsaan Cikgu Mior Shaharuddin...semasa saya...di.tahap...tahap apa...bawah ya sekolah rendah tersebut,saya...telah dipilih bersama beberapa orang rakan lain,tiga orang daripada kami telah dibenarkan untuk melonjat kelas maknanya saya tidak,tidak,saya boleh melonjat dari darjah dua terus ke darjah empat masa itu. Jadi..itu pengajian, apa nie pendidikan saya di peringkat rendah..(bunyi sudu di dapur)kemudian diperingkat menengah saya melanjutkan pengajian..ke Sekolah Menengah Iskandah Shah Di Parit(bunyi sudu di dapur) dan selepas saya tamat pengajian ya menengah, saya telah diberi peluang untuk mengikuti pengajian tingkatan enam, saya masa itu bersekolah di sekolah menengah Anderson ipoh perak(bunyi sudu di dapur)dan setelah menamatkan pengajian di Sekolah Menengah Anderson saya melanjutkan pengajian ke Universiti Malaya. Selepas itu, selepas ke Universiti Malaya saya bekerja sebagai guru dan selepas beberapa tahun saya diberi peluang untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana saya Di University Of Wisconsin Di Amerika Syarikat Ya.

**Shahrul : Ok..boleh Dato' ceritakan pencapaian akademik Dato' semasa di sekolah rendah dan menengah?**

Dato':...Pencapaian akademik..syukur Alhamdulillah..sebagai contoh saya pun tidak menjangka saya mendapat keputusan akademik yang baik semasa saya di tingkatan enam

ya...yang membolehkan saya meneruskan pengajian ke universiti Malaya ya dan seterusnya juga atas pencapaian saya di peringkat ijazah sarjana muda yang agak baik saya di beri peluang untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana di luar Negara.

**Shahrul : Ok,bagaimana pula pencapaian akademik Dato' semasa Dato' melanjutkan pelajaran di luar Negara?**

Dato': Di luar Negara, ok..saya berpuas hati..juga mendapat keputusan.. ataupun pointer yang baiklah ye dan malahan saya terus ditawarkan pada masa itu untuk menyambung pengajian saya di peringkat PHD ye ataupun kedoktoran, tetapi oleh kerana saya pada masa tersebut telah pun mempunyai keluarga maka saya tangguhkanlah cita-cita saya untuk melanjutkan pengajian di peringkat kedoktoran. Tetapi Alhamdulillah semasa saya berkhidmat, saya telah di anugerahkan dengan ijazah kehormat kedoktoran ye yang membawa gelaran doktor (DR) lah ye, doktor falsafah ye.

**Shahrul : Ok...boleh Dato' ceritakan pengalaman Dato' sewaktu belajar di luar Negara?**

Dato': ...Suatu yang menyeronokkan...suatu pengalaman yang, yang orang kata boleh dijadikan pengajaran oleh kerana (bunyi sudu di dapur) cara belajar di sana ye tidak banyak kaedah apa nie yang di panggil (spoon feeding) kita sendiri yang terpaksa mencari maklumat. Saya masih ingat..semasa saya terpaksa bergegas, selalu kena bergegas ke perpustakaan untuk mencari maklumat, kerana pada masa itu sumber..apa nie

sumber rujukan banyakknya berada di perpustakaan tidak seperti sekarang di mana kita boleh pergi ke komputer, internet dan sebagainya untuk mencari maklumat ya.

**Shahrul : Ok..apakah perbezaan yang Dato' dapat gambarkan tentang dasar pendidkan Negara kita dengan Negara luar?**

Dato': ok..dia di Negara kita , kita menekankan juga tentang..pencapaian akademik dan juga bertujuan untuk mendidiklah anak bangsa ya berdasarkan falsafah pendidikan Negara kita. Di sana juga saya percaya mereka menitikberatkan pencapaian akademik..tetapi yang agak berbeza seperti saya ceritakan tadi lah ya di mana kaedah belajar itu agak berbeza sedikit di mana kita sendiri yang terpaksa berusaha untuk mendapatkan maklumat dan ilmu dan tidak boleh kita bergantung kepada pensyarah, pada guru sahaja ya.

**Shahrul : Ok..boleh Dato' gambarkan sedikit kenangan sewaktu kecil yang masih kekal dalam ingatan Dato'?**

Dato': ow banyak...hahahaha(gelak)...gambaran waktu kecil masa saya di sekolah ya.. apabila saya selalu mendapat pujian kerana dapat, orang kata apa ini prestasi yang baik ya..kemudian peristiwa apa ini...saya di pilihlah juga untuk beberapa apa ini, perkara..untuk saya di ketengahkanlah ya jadi ini masih kekal dalam ingatan dan juga..kenangan dengan rakan-rakanlah contohnya berbasikal bersama guru-guru..pergi melihat..kawasan alam sekitar dan sebagainya ya.

**Shahrul : Ok...bagaimana Dato' mula menceburkan diri dengan kerjaya dalam bidang pendidikan ?**

Dato': ok..selepas saya menamatkan pengajian ijazah sarjana muda, saya melanjutkan pengajian di peringkat diploma pendidikan. Jadi dengan adanya diploma pendidikan, saya telah ditawarkan untuk menjadi seorang guru lah. Saya telah mula berkhidmat sebagai seorang guru Di Sekolah Menengah Iskandar Shah, Parit Perak ya.

**Shahrul : Kenapa Dato' memilih untuk berada dalam bidang pendidikan?**

Dato':...pada masa itu sebenarnya..saya...ditawarkan dengan program diploma, kemudian apabila saya ditempatkan di sekolah ya untuk saya terus memilih bidang pendidikan ini...saya mendapati dan saya telah dikenal pasti oleh pensyarah mempunyai kecenderungan untuk menjadi seorang pendidik yang baik. Saya masih ingat semasa saya mengajar di sekolah menengah jalan cheras, di mana..satu pujian telah diberikan kepada saya oleh kerana dalam masa saya mengajar subjek geografi itu..saya telah menggunakan kaedah pergi melihat sendiri kawasan anak sungai yang ada di situ..jadi saya diberitahu itu adalah kaedah mengajar yang baik. Dia kata awak boleh jadi seorang pendidiklah ya.

**Shahrul : Ok...dalam bidang pendidikan Dato' bermula sebagai seorang apa, cikgu atau pensyarah?**

Dato': Saya bermula sebagai seorang guru lah ya,cikgu,ok.

**Shahrul : Di manakah Dato' di temuduga bagi menjadi seorang guru?**

Dato': seorang guru. ha ok...saya sebenarnya pada masa itu telah ditempatkan di sekolah pada masa dahulu. Kemudian di peraklah ya saya di temuduga, pada tahun 1976.

**Shahrul: Ok...apakah perasaan Dato' apabila diterima menjadi seorang guru?**

Dato' :...Seronok. Saya seronok dan galakkan yang diberikan oleh pensyarah saya itu..apa meningkatkan keazaman saya lah untuk menjadi seorang guru ya.

**Shahrul : Setelah diterima menjadi seorang guru adakah Dato' memasang impian untuk menjadi lebih daripada seorang guru?**

Dato' : Ye..itu sebab saya..selepas beberapa tahun menjadi guru saya telah memohon untuk melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dan saya pun mendapat peluang lah iaitu saya diberi peluang untuk mengikuti program sarjana di luar Negara.

**Shahrul : Boleh Dato' ceritakan pada tahun berapa Dato' menjadi pensyarah?**

Dato' : Saya menjadi pensyarah pada tahun 1983.

**Shahrul : Berapa lamakah Dato' berkhidmat sebagai seorang pensyarah?**

Dato': Sebagai pensyarah..saya ingat lima tahun. Ya lima tahun ya…kemudian saya telah di tempatkan di kementerian pelajaran lah dan memegang beberapa jawatan di kementerian jabatan pelajaran.

**Shahrul : Dalam bidang apakah Dato' menjadi pensyarah?**

Dato' :..Pensyarah dalam bidang geografi ya.

**Shahrul : Boleh Dato' terangkan kenapa Dato' memilih bidang tersebut?**

Dato' : Bidang Geografi, kerana semasa saya di sekolah menengah saya begitu kagumlah dengan seorang guru geografi saya yang mengajar subjek tersebut. Dia menimbulkan minat saya untuk menyukai mata pelajaran tersebut. Jadi ini menyebabkan…saya seterusnya mecapai keputusan yang baik di peringkat…SPM,MCE pada masa itu untuk dapat keputusan baik dalam geografi dan juga masa saya di tingkatan enam ya. Jadi dan saya terus membuat pengkhususan bidang geografi lah semasa saya belajar sarjana muda saya di Universiti Malaya.

**Shahrul : Di insitusi manakah Dato' berkhidmat sebagai pensyarah?**

Dato' : Saya bertugas sebagai seorang pensyarah di Maktab Perguruan Seri Kota Jalan Kuantan Kuala Lumpur.

**Shahrul : Ok. Semasa Dato' menjadi pensyarah apakah pengalaman yang paling tidak dapat Dato' lupakan?**

Dato' :...Banyak ya, banyak pengalaman sama-sama dengan para pelajar saya...pergi membuat kajian luar ya, jadi..dan juga aktiviti kokurikulum lah. Ini tidak dapat saya lupakan ya.

**Shahrul : Sebagai seorang pensyarah adakah Dato' pernah berasa untuk putus asa?**

Dato' : Tidak ada. Tidak pernah. (Dato' gelak)

**Shahrul : Ok. Semasa Dato' menjadi seorang pensyarah adakah pekerjaan lain yang Dato' lakukan?**

Dato' :...Tidak. Tidak, saya fokus kepada tugas saya sebagai pensyarah, tetapi tugas kami sebagai pensyarah di Maktab Perguruan itu selain daripada memberi kuliah ya

dibilik kuliah, kami juga terlibat dalam aktiviti di luar bilik kuliah seperti, aktiviti permainan...apa ini unit beruniform dan sebagainya.

**Shahrul : Ok. Saya dapat tahu Dato' ada meneruskan legasi arwah ayah Dato' membantu pelajar-pelajar Sekolah Kebangsaan cikgu Mior Shaharuddin. Boleh Dato' ceritakan serba sedikit mengenai sekolah itu?**

Dato' : ya...Sekolah ini seperti saya nyatakan dulunya ialah sekolah Kebangsaan Padang tenggala. Kemudian pada tahun 2010 ya dengan kebenaran dengan Kementerian Pelajaran, sekolah ini telah pun di nama kan sebagai Sekolah Kebangsaan Cikgu Mior Shaharuddin...Jadi...antara yang, yang kami buatlah untuk membantu para pelajar ialah kita berikan apa ini...mengadakan...program motivasi kepada anak-anak pelajar dan saya menguruskan program di mana pensyarah-pensyarah daripada Maktab Perguruan yang berhampiran datang membimbing anak-anak termasuklah...cikgu Umaimah ye( Dato' gelak) binti Idris dan kita juga, di mana ada keperluan memberikan juga sedikit sumbangan kewangan ya pada para pelajar di sekolah tersebut ya.

**Shahrul : Ok. Apakah antara sumbangan Dato' kepada sekolah tersebut?**

Dato' : ...seperti saya nyatakan tadi, saya pernah lah memberikan sumbangan yang berbentuk buku-buku untuk ditempatkan di pusat sumber, sumbangan dalam segi motivasi untuk memberi motivasi kepada pelajar-pelajar sekolah tersebut supaya terus belajar dan mencapai pencapaian yang baik ya.

**Shahrul :...Boleh Dato' ceritakan serba sedikit latar belakang sekolah tersebut?**

Dato' :...Sekolah tersebut...sebenarnya telah di bina oleh orang kampung, sekolah tesebut ya, pada...zaman sebelum merdeka lagi ya sekolah tersebut telah di bina oleh orang kampung dan beberapa tahun kemudian...kerajaan telah memberikan sumbangan untuk sekolah itu dari segi fizikalnya dapat di bina lah dengan sebahagiannya batu dan bahagian atasnya kayu ya, kerana sebelum itu keadaan sekolah itu seperti dalam gambar ini lah ya.( Dato' menunjukkan album gambar) yang dia beratapkan daun rumbia, berdindingkan buluh, dan berlantaikan tanah ya. Jadi kami pun belajar di keadaan begitu tetapi setelah beberapa tahun kerajaan telah memberikan peruntukan ya.

**Shahrul : Ok. Apakah harapan Dato' terhadap sekolah tersebut?**

Dato' : Saya berharap sekolah tersebut dapat mengeluarkan pelajar-pelajar yang cemerlang, pelajar-pelajar yang dapat meneruskan pengajian yang ke peringkat yang lebih tinggi, para pelajar yang dapat memberi sumbangan kepada agama bangsa dan Negara.

**Shahrul : Apakah pencapaian tertinggi yang mampu digapai oleh sekolah tersebut?**

Dato' : Saya di fahamkan sekolah tersebut telah baru-baru ini telah mendapat beberapa pengiktirafan daripada kerajaan, contohnya sekolah tersebut telah mencatatkan rekod keputusan UPSR yang baik ya.

**Shahrul : Ok. Apakah yang membuatkan Dato' beralih kerjaya daripada seorang pensyarah kepada kerjaya pendidikan yang lebih melibatkan pentadbiran?**

Dato' :...ini adalah...saya telah di kenal pasti ya oleh pihak Kementerian Pelajaran dan meraka yang menjemput saya lah untuk berkhidmat di Kementerian Pelajaran. Jadi berubahlah kerjaya saya daripada seorang pensyarah kepada seorang pentadbir pendidik ya..pentadbir pendidikan di Kementerian Pelajaran.(bunyi cawan dan pinggan di dapur)

**Shahrul : Ok. Apakah diantara skop tugas Dato' ketika berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Pelajaran Malaysia?**

Dato' : Ok. Satu yang paling utama ialah saya bertanggungjawab terhadap...menaik taraf maktab-maktab Perguruan kepada institut pendidikan guru. Kalau dulu sebelum di naik taraf maktab perguruan ini cuma boleh menawarkan program peringkat sijil dan diploma sahaja, tetapi apabila telah di naik taraf maktab perguruan boleh menjalankan program peringkat ijazah dan sehingga sekarang saya difahamkan institut pendidikan guru ini telah pun melahirkan beberapa cohort graduan ijazah sarjana muda keguruan.

**Shahrul : Boleh Dato' ceritakan sedikit pengalaman yang tidak dapat Dato' lupakan sepanjang berkhidmat di Kementerian Pelajaran Malaysia?**

Dato' :..Yang tidak dapat saya lupakan ialah semasa saya bersama-sama dengan rakan-rakan, pegawai-pegawai di Kementerian, berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikanlah..maktab perguruan itu dinaik taraf menjadi institut pendidikan guru. Dia bukanlah suatu yang mudah( Dato' batuk) banyak cabarannya...sebagai contohnya, pertama kami perlu menyediakan satu kertas dasar yang perlu dibentangkan kepada Jemaah Menteri. Apabila telah diluluskan oleh Jemaah Menteri, ada beberapa pindaan kepada akta pendidikan yang perlu di buat. Jadi kami pula berhadapan dengan cabaran untuk mendapatkan kelulusan daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara mengenai pindaan akta tersebut. Pindaan akta itu adalah untuk membolehkan Maktab Perguruan tadi menganugerahkan ijazah ya di institut pendidikan guru.

**Shahrul : Apakah pandangan Dato' mengenai profesion perguruan di Malaysia?**

Dato' :...profesion keguruan di Malaysia ini adalah setanding dengan profesion perguruan di Negara-negara lain ya dan dari segi perkhidmatannya pun saya rasa guru-guru di Malaysia...mendapat...ganjaran yang baik ya kalau dia berkhidmat sebagai seorang guru. Walaubagaimanapun saya kira pendidik-pendidik di Negara kita perlu berusahalah dengan lebih gigih untuk memastikan martabat profesion keguruan itu dapat dipertingkatkan lagi.

**Shahrul : Bilakah Dato' bersara daripada perkhidmatan?**

Dato' : saya bersara mulai 1 hari bulan ogos tahun 2011.

**Shahrul : Selepas bersara adakah Dato' masih lagi menceburkan diri di dalam bidang pendidikan?**

Dato' : Ya. Saya banyak terlibat dalam,dalam kegiatan pendidikan, sebagai contohnya saya sekarang adalah, telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Yayasan Guru Malaysia Berhad. Di mana...salah satu daripada tugas saya selain daripada bertanggungjawab terhadap kebajikan guru, adalah untuk memastikan...usaha di buat untuk meningkatkan lagi tahap profesionalisma guru-guru. Saya juga...telah dilantik untuk menjadi pensyarah adjunct (sambilan) di institut kepimpinan pendidikan di Universiti Malaya dan dilantik juga sebagai konsultan pendidik bagi beberapa buah syarikat swasta.

**Shahrul : Bagaimanakah Dato' membahagikan masa diantara kerjaya dan keluarga?**

Dato' :...Kalau buat masa sekarang..agak mudah sedikit kerana keluarga saya anak-anak saya pun telah besar jadi masa saya tidaklah begitu, orang kata terikat dengan aktiviti anak-anak ya. Tapi kalau masa dahulu....saya cuba membahagikan kerana pada saya kedua-duanya penting. Kerjaya pun penting, keluarga pun penting. Dan syukur Alhamdulillah lah ya, anak-anak pun telah dapat...melanjutkan pengajian ke peringkat yang tinggi ya dan saya pun dapat memberikan perkhidmatan saya yang terbaik lah pada pandangan saya ya.

**Shahrul : Ok. Apakah yang akan Dato' lakukan semasa terluang?**

Dato' :...Saya sekarang meneruskan hobi saya membaca,...dan juga saya terlibat dengan aktiviti-aktiviti kebajikan ya. Contohnya aktiviti kebajikan dalam organisasi yang menyediakan bantuan untuk anak-anak yang kurang berada lah anak-anak miskin di mana kami terlibat dalam program memberi motivasi, menyediakan tajaan kepada mereka dan juga jika ada peluang saya ingin apa lah melancong ya (Dato' gelak) itu saya punya apa lah aktiviti masa terluang ya.

**Shahrul : Ok..Dato' juga terlibat dalam bidang penulisan. Boleh dato' terangkan sedikit?( bunyi kipas rosak)**

Dato' : ....sebenarnya saya, semasa berkhidmat banyak terlibat dalam..penulisan kertas kerja...kertas-kertas dasar ya...yang sebagai contohnya kertas-kertas yang di bawa ke mesyuarat Jemaah menteri ya..ataupun yang dibentangkan di peringkat luar Negara ya....contohnya adalah kertas kerja berkaitan dengan kenaikan taraf maktab perguruan kepada institut perguruan guru..kertas kerja yang berkaitan dengan sistem pendidikan Negara yang dibentangkan di luar Negara ya..seperti bila saya bentang di China, di Jepun ya, dan di apa ini...di England ya, beberapa kertas yang telah saya bentangkan dan...saya juga terlibat dalam penulisan...apa ini bahan sejarah pendidikan...(bunyi kipas rosak)..pendidikan perguruan, sejarah perguruan di Malaysia yang ini adalah hasil penulisan bersama. Yang ini saya amat puas hatilah, kerana ini adalah.. dokumen mengenai sejarah perguruan di Negara kita sejak daripada...apa ini sebelum merdeka ataupun lebih awal lagi daripada...tahun awal...orang kata..kurun ya..19 dahulu...1900

apabila sebelumnya kita dijajahlah lagi maksud saya..jadi..sehinggalah perkembangannya pada hari ini, di mana maktab-maktab perguruan telah di naik taraf menjadi institut pendidikan guru ya.

**Shahrul : Ok..kenapa Dato' minat dalam bidang penulisan?**

Dato' : ...saya kira ini penting, contohnya dokumen.. sejarah itu, ini penting untuk menjadi sumber rujukan kepada...generasi yang akan datang, sebab..kalau tidak orang tak tahu tentang sejarah ya...perguruan di Negara kita ya...saya juga terlibat dalam mendokumenkan...tentang sejarah penubuhan sekolah kebangsaan...cikgu mior shaharuddin, jadi ini juga penting supaya...generasi yang akan datang tahu tentang bagaimana ya, penduduk kampung...padang tenggala pada suatu masa dahulu yang menitikberatkan tentang pendidikan telah bersama-sama mendirikan sebuah sekolah yang saya ceritakan tadi yang berlantaikan tanah, berdindingkan buluh ya...yang di anyam kemudian yang beratapakan atap rumbia ya. Jadi ini...dapat memberi inspirasi kepada generasi yang akan datang bagaimana gigihnya orang yang terdahulu itu ya..dalam...memperjuangkan pendidikan bagi anak-anak ya. Saya juga terlibat dalam... penyelidikan (research) tentang keberkesanan sistem...khususnya bagi sistem perguruan di Negara Malaysia ya.

**Shahrul : Adakah Dato' akan terus menulis dalam bidang penulisan?**

Dato' : insyaallah..insyaallah. saya akan meneruskan usaha-usaha ini ya.

**Shahrul : Ok saya dapat tahu Dato' juga terlibat dengan I-Trim. Boleh Dato' terangkan apa itu I-Trim?**

Dato' : Ok, ok I-Trim ini adalah singkatan kepada apa yang kita panggil interaktif tuisyen rakyat 1 Malaysia. Sebenarnya ini adalah satu program di bawah gagasan 1 Malaysia yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Mohd Najib ya Perdana Menteri kita. Jadi di bawah program ini...kerajaan menyalurkan duit ataupun peruntukan kepada Yayasan Guru Malaysia Berhad, dan kita bekerjasama dengan pihak yang membekalkan tuisyen secara online ya. Jadi kita telah mulakan pada tahun lepas memberikan perkhidmatan tuisyen di dalam talian, online tuisyen kepada murid-murid daripada, murid-murid terpilih dari seluruh negeri Selangor ya. Jadi yang ini kita beri fokus kepada anak-anak yang daripada keluarga yang kurang upaya, pendapatan di bawah tiga ribu ringgit sebulan dan juga menitikberatkan aspek kepelbagaian kaum ya kerana ini adalah projek di bawah gagasan satu Malaysia. Jadi anak-anak yang berjaya ini akan diberikan kata laluan ataupun password untuk meraka dapat mengakses bahan pembelajaran pada portal-portal yang telah disediakan. Jadi...dia boleh buat tuisyen ini secara, pada bila-bila masa lah ya, jadi itu telah kita laksanakan pada tahun lepas. Ini merupakan projek di bawah Yayasan Guru ya. Dan pada tahun ini kita...telah diberi amanah untuk perluaskan program ini kepada negeri perak. Kita jangkakan seramai 20 ribu orang pelajar dari seluruh negeri perak akan dapat manfaat lah daripada program tuisyen rakyat satu Malaysia ataupun I-Trim ini.

**Shahrul : Dato' sebagai apa dalam I-Trim?**

Dato' :...Saya adalah pengerusi jawatan kuasa pelaksana projek I-Trim ya di Yayasan Guru.

**Shahrul : Adakah I-Trim ini akan diteruskan?**

Dato' : ya. Buat masa ini pun ia telah diteruskan di Negeri Perak dan kita berharaplah untuk tahun yang akan datang kita dapat luaskan program ini kepada negeri-negeri lain pula.

**Shahrul : Ok. Dato' juga merupakan ahli lembaga pemegang amanah Yayasan Johawaki. Apakah tujuan yayasan ini ditubuhkan?**

Dato' : Ya, Ok. Tujuan yayasan ini ditubuhkan adalah juga untuk membantu anak-anak yang daripada kalangan yang, yang berpendapatan rendah ibu bapanya, jadi di sini yayasan ini memberikan sumbangan dalam bentuk biasiswa kepada pelajar-pelajar yang terpilih berdasarkan sosio ekonomi keluarga dan juga berdasarkan pencapaian meraka dalam periksaan umumlah contoh, UPSR ya...Selain daripada pemberian biasiswa, kita sering mengumpulkan anak-anak ini untuk kita memberi mereka motivasi secara berterusan supaya ini dapat meningkatkan jadi diri anak-anak ini dan kita harap ini akan dapat meningkatkan prestasi dan dapat akademik dan juga dapat membentuk akhlak yang mulia lah ya. Dan...pada minggu hadapan pun saya akan terlibat dengan satu lagi

program, di mana anak angkat tadi yang kita telah kenal pasti akan kita tempatkan dirumah keluarga angkat mereka. Tujuannya adalah untuk memberi pengalaman yang baharu kepada anak-anak ini...pengalaman baharu bersama keluarga dan supaya mereka juga dapat membuka minda mereka, dapat menyesuaikan diri dan insyaAllah keluarga angkat akan memberikan mereka pengalaman baharu lah ya dengan membawa mereka insyaAllah ke tempat-tempat institusi pendidikan, tempat-tempat di mana...agaknya mereka boleh menambahlah ilmu pengetahuan mereka ya.

**Shahrul : Ok. Siapa lagi ahli lembaga pemegang amanah Yayasan Johawaki?**

Dato' : oh dia terdiri daripada..mereka yang terlibat dalam pengurusan syarikat Johawaki ini..dan juga pihak daripada apa lah dulunya daripada universiti dan tapi sebahagian besarnya adalah daripada mereka yang, yang berada di syarikat johawaki ini.

**Shahrul : Sebagai salah seorang panel dalam Dialog Nasional Pendidikan Negara, boleh Dato' terangkan sedikit mengenai fungsi Dialog Nasional Pendidikan Negara dalam menyediakan Pelan pembangunan pendidikan?**

Dato' : ok...ya saya terlibat sebagai salah seorang daripada ahli panel bagi apa yang di namakan Dialog Nasional Pendidikan Negara...Sebenarnya ada 11 orang...12 orang ahli dalam, dalam panel tersebut dan saya salah seorang daripadanya ya. Jadi fungsi utama...Dialog Nasional Pendidikan Negara ini ialah di mana kami pergi berjumpa dengan rakyat di seluruh Negara untuk mendapatkan maklum balas ataupun pandangan,

cadangan daripada rakyat. Apakah perkara-perkara yang harus di beri perhatian, ataupun yang perlu di masukkan dalam pelan pembangunan pendidikan tersebut ya.

**Shahrul : Semasa Dato' menjadi panel tersebut, siapa yang menjadi ketua kepada panel tersebut?**

Dato' :...Ketua panel tersebut adalah Yang Berbahagia Tan Sri...Wan Muhamad Zahid, Tan sri Dr Haji Wan Muhamad Zahid bin Nordin ya. Beliau adalah mantan Ketua Pengarah Pelajaran.

**Shahrul : Berapa umur Dato' ketika itu?**

Dato' :...Umur saya selepas saya bersara lah 58 tahun.

**Shahrul : Bilakah dialog itu diadakan?**

Dato' : Dia diadakan pada...(membelek buku-buku pelan pendidikan Negara) bulan, tahun 2012 bermula daripada april hingga julai ya 2012.

**Shahrul : Perkara apakah yang dibincangkan? Bolehkah Dato' terangkan satu-persatu perkara tersebut?**

Dato' : Dalam urusan kami berjumpa dengan rakyat ini, berjumpa mereka sama ada di dewan-dewan terbuka, di tempat-tempat yang telah ditetapkan, kami berpandukan perkara-perkara yang Sembilan perkara yang telah di, di beri penekananlah ya...perkara-perkara tersebut (membelek buku-buku beliau) adalah satunya tentang guru, aspek guru, kepimpinan sekolah, Kepimpinan sekolah ini termasuklah pengetua dan guru besar, kualiti sekolah, kita melihat juga aspek kokurikulum dan pentafsiran, profisiensi pelbagai bahasa, peluang bagi lepasan menengah, mengenai ibu bapa komuniti dan sektor swasta, kecekapan dan keberkesanan sumber, kapasiti dan keupayaan sistem penyampaian kementerian dan aspirasi terhadap sistem dan pelajar ya. Ini sebenarnya satu yang menjadi tambahan lah kalau tidak dulu ada Sembilan sahaja.

**Shahrul : Ok. Apakah rasionalnya perkara tersebut di buat?**

Dato' : ..rasional untuk memandu kami ahli-ahli panel apabila turun berjumpa dengan rakyat untuk berbincang dengan mereka dan mereka...mengemukakan maklum balas berdasarkan Sembilan perkara tersebut.

**Shahrul : Adakah kajian telah dibuat sebelum menggariskan Sembilan bidang keutamaan tersebut?**

Dato' : ya. Ini telah dibuat oleh para penyelidik di kementerian dan juga oleh pakar-pakar daripada universiti-universiti dalam Negara dan juga pakar-pakar penyelidik daripada luar Negara.

**Shahrul : Apakah pengalaman yang tidak dapat dilupakan oleh Dato' sepanjang menjadi panel dialog nasional tersebut?**

Dato' :...Ada setengahnya peserta begitu beremosi lah dalam mengemukakan pandangan, dan apa ini ada juga...peserta-peserta itu yang pergi mengikut kami ahli panel ini dari satu tempat ke satu tempat semata-mata untuk memastikan suara mereka di dengarlah. Sebab kadang-kadang mungkin tidak ada peluang dia, ataupun dia nak memastikanlah idea, cadangan, pandangan dia itu dapat di, di dengar oleh kami ahli panel ya.

**Shahrul : Selepas Sembilan bidang keutamaan tersebut dilakukan, boleh Dato' terangkan 11 perkara anjakan transformasi sistem pendidikan Negara?**

Dato' : Ok. Sebenarnya dalam menyediakan pelan pembangunan pendidikan ya tersebut, PTPM itu, apa...input yang kami dapat daripada dialog ini kami berikan kepada kementerian pelajaran dan pada masa yang sama kementerian pelajaran juga menggunakan input-input daripada pakar-pakar luar Negara dan juga dalam Negara dan kajian-kajian yang telah dibuat oleh penyelidik untuk menggubal satu kerangka ataupun pelan, pelan pembangunan pendidikan untuk tahun, tahun 2013 hingga tahun 2015. Jadi mereka telah mengemukakan ataupun mencadangkan 11 anjakan bagi mentransformasikan sistem pendidikan Negara....11 bidang anjakan tersebut, pertama ialah menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti. Yang kedua, untuk memastikan setiap murid profisien dalam bahasa melayu, bahasa Malaysia dan juga bahasa inggeris. Yang ketiga...adalah anjakan untuk melahirkan rakyat Malaysia dengan penghayatan nilai. Keempat trasnformasi keguruan sebagai bidang ataupun profesien

pilihan. Yang kelima ialah memastikan kepimpinan yang di ada di sekolah berprestasi tinggi. Yang keenam mengupayakan jabatan pelajaran negeri, pusat pendidikan daerah dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berdasarkan keperluan...Yang ketujuh memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran. Kelapan mentrasnformasi keboleh upayaan kapasiti penyampaian kementerian. Kesembilan bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas. Nombor sepuluh memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit. Dan yang kesebelah meningkatkan ketelusan untuk akauntibaliti awam secara langsung. Jadi ini boleh, boleh rujuk eh. (sambil menunjukkan buku-buku beliau)

**Shahrul : Ok...Saya dapat tahu antara sumbangan Dato' dalam bidang perguruan adalah penglibatan secara langsung dalam usaha meningkatkan taraf perguruan di Malaysia? Boleh Dato' jelaskan sedikit mengenai usaha ini?**

Dato' :...ya...pertamanya...saya memandang berat tentang isu kualiti guru...Saya percaya kualiti guru ini kena sentiasa ditingkatkan sesuai dengan peredaran masa dan keperluan ya dari masa ke semasa. Kalau kita membuat rujukan kepada sistem pendidikan yang terbaik di dunia ini, satu perkara yang tidak boleh kita lepas pandang ialah faktor guru. Gurulah yang sebenarnya akan menentukan sama ada sistem pendidikan di sesebuah Negara itu berkualiti ataupun tidak ya. Jadi itulah sebabnya semasa saya dalam perkhidmatan dan sekarang pun juga perkara ini menjadi fokus kepada...kerja saya di mana pada setiap masa kita perlu pertingkatkan kualiti guru. Jadi satu cara yang telah dilaksanakan ialah, pertamanya kita adakan program untuk meningkatkan tahap akademik dan juga tahap profesionalisma guru. Maknanya kalau guru itu dahulunya seorang guru yang belum ada ijazah, kita melaksanakan program agar

semua guru boleh...memiliki ijazah pertama. Jadi, dengan adanya peningkatan ilmu ini kalau dulu dia seorang yang bukan siswazah tetapi sekarang guru siswazah saya percaya dia boleh mempengaruhi proses pengajaran pembelajaran di bilik darjah ya. Dan juga sekarang kelayakan masuk untuk menjadi guru pun telah di pertingkatkan. Kalau dulu masa saya di sekolah, saya seorang yang lepas tingkatan lima boleh terus menjadi guru ataupun apa ini menjadi guru dengan mengikuti program pengajian peringkat sijil sahaja pun boleh, kemudian dinaikkan tahap ke tahap diploma. Tetapi sekarang syarat untuk menjadi guru di Malaysia ialah kene memiliki ijazah sarjana muda. Dan dari sudut masa ke semasa pun kita pertingkatkan contohnya, kelayakan untuk memasuki institut pendidikan guru pun dipertingkatkan. Dan sekarang ini kita menerima begitu banyak permohonanlah untuk masuk ke IPG ini. Dan ramai daripada mereka yang mendapat straight A memohon untuk menjadi guru ya.

**Shahrul : Ok. Apakah faktor lain yang menyebabkan Dato' melakukan perkara tersebut?**

Dato' : faktor lain...adalah kerana saya percaya...semua orang ada potensi, memang dia hendak menjadi guru yang baik ya. Jadi itulah sebabnya, dan kita menyediakan kemudahan. Kita tahu... contohnya, satu yang kami perkenalkan juga ialah sistem pendidikan guru jarak jauh bagi guru-guru. Ini untuk memberi peluang kepada guru-guru yang tidak dapat meninggalkan keluarga ataupun rumah mereka untuk melanjutkan pengajian boleh melakukan pengajian dari rumah ataupun tempat meraka bekerja tanpa meninggalkan keluarga, terutamanya bagi kalangan guru wanita lah ya.

**Shahrul : Ok. Adakah Dato' merasakan tahap pendidikan seseorang guru itu mempengaruhi cara pengajaran di dalam kelas nanti?**

Dato' : Ya. Sudah semestinya seperti yang saya nyatakan tadi lah ya.

**Shahrul : Ok. Jadi bila tarikh pelaksanaan bagi perkara tersebut?**

Dato' : perkara mana,pelan pendidikan. Pelan pendidikan ini pun telah, telah mula dilaksanakan di kementerian pelajaran pada tahun ini ya.

**Shahrul : Adakah perkara itu disambut baik oleh guru di Malaysia?**

Dato' : oo ok..yang untuk guru...untuk usaha-usaha saya kira begitu ya...Guru-guru menyambut baik usaha ataupun peluang yang ada pada mereka untuk melanjutkan pengajian ke peringkat, kalau belum ada ijazah untuk memiliki ijazah. Dan saya tidak hairanlah ini, ini pandangan saya sahaja dulu untuk satu masa nanti mungkin bukan sekarang...saya tidak, tidak orang kata mustahil saya katakan satu masa nanti kelayakan bagi untuk menjadi seorang guru di Negara Malaysia ini mungkin 10 tahun atau 20 tahun ialah sekurang-kurangya memiliki ijazah sarjana, iaitu seperti pensyarah di universiti.

**Shahrul : Ok. Guru adalah diantara Sembilan bidang yang dijadikan keutamaan dalam mencapai visi pendidikan Negara. Apakah pandangan Dato' mengenai profesion guru sebagai pilihan utama kerjaya di Malaysia?**

Dato' : ...Ya. Pertamanya kita mesti sedar akan bahawa peranan guru ini amat penting. Kerana guru lah yang akan...menentukan sama ada sistem pendidikan di sesebuah Negara itu berjaya atau pun tidak. Itu sebab kerajaan menitikberatkan perkara ini dan memberikan peruntukan yang besar bagi aspek yang dinyatakan pembangunan modal insan ini yang itu termasuklah aspek pembangunan keguruan itu sendiri ya.

**Shahrul : Ok. Dato' juga pernah dianugerahkan dengan ijazah doktor kehormat daripada Queensland University of Technology. Bagaimana Dato' boleh terpilih menerima anugerah tersebut ?**

Dato' : Ok...Semasa saya berkhidmat di Kementrian Pelajaran, saya telah banyak mengusahakan program kerjasama (twinning programme ya) program berkembar. Khususnya dalam melatih guru-guru baru bahasa inggeris dengan...banyak universiti di luar Negara ya. Jadi salah sebuah universiti yang mengadakan kolabarasi dengan kementerian pelajaran...telah apa ini, memberi penghormatan dan pengiktirafan atas usaha-usaha yang saya buat itu, iaitu di mana saya terlibat secara langsung dalam merancang program...kolabarasi tersebut dan...sehingga dia menjadi kenyataan lah. Maknanya terlibat dari awal bagaimana nak melaksanakan sehinggalah program itu telah berjaya menghasilkan, menghasilkan para graduan ya untuk ditempatkan sebagai guru di Negara Malaysia ya.

**Shahrul : Boleh Dato' ceritakan sedikit mengenai kerjasama Malaysia dan Queenlands university of technology dalam bidang kepimpinan dan pentadiran?**

Dato' :...sebenarnya kerjasama kita dengan Queenlands University itu adalah khususnya pada awalnya untuk melatih guru-guru bahasa inggeris. Kemudian kita telah perluaskan iaitu dalam melatih guru-guru apa ini....sains dan juga (design and technology) rekabentuk dan juga teknologi ya. Jadi kita juga pada masa tersebut dan saya harap perkara ini telah dapat diteruskan, berusaha untuk mengadakan program peningkatan akademik bagi tenaga pengajar di institut pendidikan guru. Hasil daripada kolabarasi ya.

**Shahrul : Ok. Apakah impak kerjasama ini kepada pendidikan guru di Malaysia?**

Dato' :...Impaknya memberi nilai tambah kepada program-program yang dijalankan di institut pendidikan guru, kerana pengalaman bekerjasama tersebut memberi keyakinan kepada institut pendidikan guru untuk sekarang, secara bersendirian melaksanakan program peringkat ijazah. Kalau dulu dia, dia mengadakan secara kerjasama tetapi sekarang dengan adanya apa yang kita katakan kapasiti ( building) iaitu pengalaman bekerjasama dengan pihak yang lain sekarang institut pendidikan guru boleh berdiri sendiri untuk melaksanakan program peringkat ijazah.

**Shahrul : Ok. Apakah kenangan pahit dan manis Dato' sewaktu kolabarasi ini?**

Dato' :...yang pahitnya ialah kita....dalam masa perundingan kita ada apa ini, kepentingan-kepentingan kerajaan, kepentingan-kepentingan Negara yang perlu kita pertahankan apabila kita mengadakan rundingan dengan pihak daripada Negara lain ya...di mana kadang-kadang kita ya, secara professional lah orang kata bertengkar. Bukan bertengkar tetapi berdebat secara professional untuk memastikan kita mendapat pulangan yang sewajarnya lah daripada ringgit yang kita belanjakan itu ya...yang, yang....baiknya ialah pengalaman ini sendiri...apa ini menguatkan lagi azam saya memberikan saya banyak pengalaman untuk, untuk merancang lebih banyak program bagi kementerian dan walaupun kita berdebat dan sebagainya, akhirnya kita bukannya menjadi musuh tetapi menjadi kawan yang baik lah ya menjadi...kawan yang baik dalam melaksanakan program yang memberi manfaat kepada apa ini sistem pendidikan kita.

**Shahrul : Dato' juga merupakan timbalan pengerusi Yayasan Guru Malaysia Berhad. Bagaimana Dato' boleh terlibat dengan yayasan ini?**

Dato' : ini adalah, saya telah dilantik oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri...untuk menjadi apa ini ya...timbalan pengerusi. Kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran adalah penaung bagi Yayasan Guru.

**Shahrul : Apakah tujuan yayasan ini ditubuhkan?**

Dato' :...Tujuannya adalah untuk....bersama-sama dengan Kementerian Pelajaran, meningkatkan usaha menjaga kebajikan guru-guru.

**Shahrul : Boleh Dato' kongsikan sedikit penghargaan – penghargaan atau pingat – pingat kebesaran yang pernah Dato' miliki?**

Dato' : Ok. Ha saya amat bersyukur dan berterima kasihlah kepada pihak-pihak yang telah...menganugerahkan pelbagai penghormatan, darjah kebesaran. Saya, telah dianugerahkan contohnya daripada Sultan Perak darjah yang dipanggil...(membelek album gambar beliau) apa ini ya...pingat pekerti terpilih oleh Sultan Perak. Kemudian sekali lagi Sultan Perak telah menganugerahkan darjah Datuk Paduka Mahkota Perak yang membawa maksud gelaran Dato' lah kepada saya ya. Kemudian saya juga telah menerima anugerah daripada Seri Padukan Baginda Yang Di-Pertuan Agong iaitu pingat Johan Setia Mahkota dan juga ahli Mangku Negara. Kemudian daripada...Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang saya telah dianugerahkan Darjah Indera Mahkota Pahang. Dan saya telah dianugerahkan dengan Doktor Kehormat dari University, Queensland University Of Technology, disamping beberapa penghormatanlah daripada...Menteri Pelajaran sendiri.

**Shahrul : Ok. Bilakah Dato' dianugerahkan pingat – pingat tersebut?**

Dato' : ooo, ada-ada....seawalnya pada (membelek buku sejarah miiknya) tahun 1998, 2007, 2008, 2009, 2011 ya, itu tarikh-tarikhnya ada dalam tu.( menunjukkan buku sejarahnya)

**Shahrul : Ok. Apakah perasaan Dato' apabila diberikan anugerah tersebut?**

Dato' : saya berasa amat bersyukur kerana usaha yang dilakukan itu...diberikan pengiktirafan tetapi, saya juga ingin menyatakan bahawa kejayaan yang saya terima itu sebenarnya mewakili kerjasama banyak pihak ya. Maknanya kalau tidak ada sokongan dan kerjasama daripada...rakan-rakan saya di pejabat, contohnya saya mungkin tidak dapat melaksanakan tugas dengan begitu baik. Jadi anugerah yang diberikan itu sebenarnya juga adalah anugerah yang harus dikongsi bersamalah dengan rakan-rakan.

**Shahrul : Setelah Dato' bersara adakah Dato' rindu kepada tugas-tugas Dato'?**

Dato' : (Dato' gelak) ada juga ya. Ada juga ya.

**Shahrul : Bagaimana dato' melihat dasar pendidikan Negara pada masa hadapan?**

Dato' : ..ok...Kita tahu bahawa pendidikan bukan satu bidang yang statik. Dia berubah dari semasa ke semasa ya...Jadi begitulah juga dengan sistem pendidikan di Negara kita

ya. Tapi saya percaya mana-mana satu sistem pun yang pentingya dia digubal ataupun dirancang bagi memenuhi keperluan- keperluan rakyatnya sendiri ya. Jadi isu-isu yang kita hadapi mungkin ada persamaan dengan isu-isu yang dihadapi sesetengah Negara. Tetapi....ada juga perkara-perkara yang unik bagi Negara kita ya.

**Shahrul : Ok. Apakah cadangan atau pandangan Dato' mengenai sistem pendidikan sedia ada supaya lebih berdaya saing dan lebih maju?**

